



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.31/2018

ISU PENGGUNAAN SIMBOL PKR OLEH CALON-CALON PARTI PEMBANGKANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menjelaskan bahawa ia tiada halangan terhadap hasrat pihak pembangkang untuk mengguna pakai simbol/lambang Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang kerana adalah jelas seperti mana yang dimaklumkan sebelum ini bahawa kebenaran untuk mana-mana calon yang akan bertanding atas tiket PKR serta menggunakan simbol PKR adalah tertakluk kepada kebenaran oleh pihak PKR sendiri bukannya oleh SPR.
2. Namun SPR mengingatkan bahawa bagi tujuan untuk mengambil bahagian dalam PRU-14, parti-parti politik mestilah merupakan parti yang didaftarkan dan dibenarkan menjalankan segala aktivitinya di bawah Akta Pertubuhan 1966. Manakala bagi mana-mana parti politik yang bersetuju untuk membenarkan mana-mana bakal Calon yang bertanding mewakili parti politik berkenaan diminta membawa surat kebenaran bertulis.
3. Kebenaran bertulis itu mestilah ditandatangani oleh Pegawai Parti yang bertanggungjawab membenarkan Calon itu menggunakan simbol parti tersebut selaras dengan Peraturan 11(2)(d) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981. Mana-mana Calon yang tidak mendapat kebenaran secara bertulis daripada parti yang ingin diwakilinya, sekiranya layak untuk bertanding maka Pegawai Pengurus akan memperuntukkan kepadanya suatu simbol yang sedia ada yang telah ditetapkan sebagai ganti.

4. SPR menegaskan, selagi mana syarat dipatuhi, individu tersebut adalah layak untuk mewakili mana-mana Parti yang telah memberikan kebenaran bertulis tersebut. Tiada dalam peruntukan yang menyatakan bahawa ahli parti hanya boleh mewakili partinya sahaja dalam PRU dan SPR tidak pernah menghalang selagi mana Peruntukan dalam Perkara 11(2)(d) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 tersebut dipatuhi sepenuhnya.

5. Peraturan dan garis panduan lengkap mengenai penggunaan logo dan bahan kempen akan dikeluarkan dalam masa terdekat oleh SPR bagi memperjelaskan kepada semua pihak-pihak yang berkepentingan.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 18 April 2018 / 2 Syaaban 1439H